

LHDN tangguh pelaksanaan peremitan potongan cukai 2 peratus

Oleh **Nas Norziela Nasbah** - Januari 12, 2022 @ 3:52pm
bhnews@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) menangguhkan pelaksanaan peremitan potongan cukai di bawah seksyen 107D ACP 1967 ini sehingga 31 Mac depan.

LHDN dalam satu kenyataan, berkata penangguhan itu adalah bagi memastikan semua syarikat pembayar dapat membuat persediaan dan pemakluman yang sewajarnya dapat diberikan kepada semua ejen, pengedar atau pengagihnya.

"Sehubungan itu, syarikat pembayar dibenarkan untuk meremitkan potongan cukai dua peratus atas bayaran berbentuk tunai yang dibayar kepada ejen, pengedar atau pengagih bagi bulan Januari sehingga Mac ini bermula 1 April tanpa dikenakan apa-apa kenaikan," katanya.

Kerajaan melalui Pembentangan Bajet 2022 memperkenalkan seksyen 107D, Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) yang berkuat kuasa mulai 1 Januari ini.

Melalui pengenalan seksyen baharu itu, setiap syarikat pembayar perlu membuat potongan cukai dua peratus dan meremitkan amaun potongan berkenaan kepada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri (KPHDN) atas setiap bayaran tunai yang dibuat kepada ejen, pengedar atau pengagihnya.

Perincian pelaksanaaan potongan itu adalah seperti ketetapan bagi ejen, pengedar atau pengagih hendaklah individu pemastautin.

"Kelayakan dalam memastikan ejen, pengedar atau pengagih layak dibuat potongan dalam tahun 2022 adalah berdasarkan nilai ambang RM100,000 penerimaan bayaran (tunai dan bukan tunai) pada tahun sebelumnya (2021).

"Amaun potongan dua peratus berkenaan hendaklah diremitkan kepada KPHDN dalam tempoh 30 hari selepas pembayaran dibuat.

"Kegagalan syarikat pembayar meremitkan amaun potongan dua peratus itu dalam tempoh yang ditetapkan akan menyebabkan syarikat pembayar perlu membayar amaun diremit berserta 10 peratus kenaikan.

"Sekiranya syarikat pembayar gagal untuk membuat potongan dan meremitkan amaun dua peratus itu kepada KPHDN, tuntutan perbelanjaan berkaitan tidak boleh dibenarkan di bawah perenggan 39(1)(s) ACP 1967," kata kenyataan itu.

Bagi memudahkan pemahaman yang lebih jelas, LHDN akan mengeluarkan Soalan Lazim berkaitan perkara ini yang boleh diakses melalui portal rasmi www.hasil.gov.my selain berhubung Hasil Care Line ditalian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara).